# Reemy kebanggaan Orang Asli

***Lakar sejarah tersendiri lanjut pelajaran ke universiti***

NOOR HAYATI MAMAT

SUNGAI BERUA

Pemuda berusia 20 tahun, Reemy Razak, melakar sejarah tersendiri apabila menjadi komuniti Orang Asli pertama di Terengganu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Khabar gembira itu dimaklumkan sendiri oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman sewaktu Majlis Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Sungai Berua, kelmarin.

Menurut anak keempat daripada lima beradik yang ditawarkan menyambung pelajaran ke Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ini, dia menyifatkan ia seperti mimpi kerana tidak pernah menduga semua itu.

"Beberapa hari kebelakangan ini, saya dah dengar cerita dapat masuk universiti, tetapi saya tidak begitu percaya kerana pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu tidaklah begitu cemerlang. Saya fikir itu main-main saja.

"Saya terkejut apabila sewaktu Menteri Besar berucap, beliau bukan sekadar umum berita gembira ini tetapi turut jemput saya dan ayah, Razak Tebong, 56, naik ke pentas. Segan juga sebab ramai orang tengok.

"Lepas Menteri Besar umum baharulah saya percaya sepenuhnya dapat tawaran masuk universiti.

"Saya gembira dan begitu teruja, apatah lagi sebelum ini tiada lagi komuniti di perkampungan Orang Asli, di sini belajar di sana (universiti)," katanya.



Reemy menerima sumbangan peribadi daripada Ahmad Razif (kiri) sewaktu Majlis Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Sungai Berua, kelmarin.

Katanya, selain dapat membanggakan ayah dan emaknya, Siti Majid, 47, dia berharap tawaran masuk ke universiti ini dapat tingkatkan semangat komuniti Orang Asli untuk sama-sama usaha berjaya dalam pendidikan.

Tambah Reemy yang mula bersekolah darjah satu ketika berusia sembilan tahun, dia tidak dapat bayangkan suasana kehidupannya nanti di alam kampus dan berminat untuk ikuti pengajian dalam kursus perguruan.

"Saya tidak pasti lagi kursus apa yang akan diambil tetapi lebih berminat jadi seorang guru kerana matlamat saya ingin kembali ke kampung ini dan mengajar anak-anak komuniti Orang Asli di sini pula nanti," ujarnya.

Sementara itu, ayahnya, Razak berkata, dia begitu gembira kerana anaknya itu mampu harumkan nama komuniti Orang Asli sekali gus buktikan masyarakat mereka juga boleh capai kejayaan sama seperti orang lain.

"Sebagai ayah tentu saya gembira dan harap anak-anak orang lain juga boleh berjaya. Terima kasih kepada cikgu-cikgu yang banyak mengajar anak saya ini sehingga dia boleh masuk universiti nanti.

"Sebelum ini, kalau hari sekolah memang saya akan kejutkan dia jika bangun lambat dan suruh juga ke sekolah.

"Aktiviti masuk hutan juga saya kurangkan untuk dia, hari cuti sahaja boleh masuk," ujarnya.

Sila layari sinarharian.com.my

SINAR HARIAN
5 APRIL 2018